

13 AUG 2003

MAHATHIR-GLOBALISASI/I (EMBARGO: 0300/14OGOS)

DR MAHATHIR DEDAH TEMBELANG GLOBALISASI

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

MBABANE (Swaziland), 13 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan beberapa fakta sebenar mengenai globalisasi yang jelas menunjukkan bahawa pembukaan terus pasaran hanya memberi manfaat kepada negara kaya dengan mengorbankan yang miskin.

Beliau berkata pengembangan pasaran global memperluaskan jurang antara negara-negara maju dan mundur di mana kekayaan sebanyak satu peratus penduduk dunia bersamaan dengan 57 peratus penduduk termiskin.

"Separuh daripada penduduk dunia hidup dengan kurang daripada AS\$2 sehari, lebih satu bilion dengan kurang AS\$1 sehari, manakala 20 peratus mereka yang tinggal di negara-negara yang berpendapatan tinggi menguasai 86 peratus perbelanjaan penggunaan peribadi dunia," katanya dalam ucap tama pada jamuan malam pembukaan Dialog Perkongsian Pintar Antarabangsa Global 2003 di Ezulwini, kira-kira 10 kilometer dari sini pada Rabu.

Sambil menolak dakwaan negara-negara barat bahawa pasaran bebas akan memberikan kekayaan kepada yang miskin melalui kesan secara beransur-ansur, Dr Mahathir berkata: "Apa yang kita lihat hari ini hanyalah kemerosotan dalam bayaran upah, dengan kesihatan dan standard keselamatan yang kurang diambil kira."

"Kita memang bersaing... bersaing di kalangan kita sendiri untuk berlumba ke bawah," kata beliau.

"Akhirnya, modal dunia, yang tidak mempunyai tanggungjawab kepada sesiapa, boleh masuk dan keluar dari mana-mana negara tanpa mengambil kira masalah perpindahan yang dihadapi oleh negara tumpang mereka."

Perdana Menteri juga menyentuh mengenai keengganan negara kaya membantu negara miskin dan berkata bahawa mereka hanya membayar cukai di negara mereka sendiri bagi kekayaan yang mereka hasilkan.

"Mereka (yang kaya) kini membuat keuntungan melalui eksploitasi di seluruh dunia, tetapi mereka tidak membayar cukai kepada dunia untuk digunakan kepada yang miskin di negara-negara miskin," kata beliau.

Dr Mahathir berkata lebih dua bilion daripada enam bilion penduduk dunia hidup melarat, mengidap pelbagai jenis penyakit dan mati begitu sahaja.

Beliau berkata negara-negara kaya tidak lagi memberikan bantuan daripada 0.7 peratus keluaran dalam negara kasar (KDNK) yang mereka janjikan.

Dr Mahathir berkata yang kaya tidak mahu mendengar mengenai kekayaan mereka dikenakan cukai yang boleh digunakan untuk membantu yang miskin dan malah media mereka enggan menerbitkan idea berkenaan, inikan pula menyokongnya. -- BERNAMA

MR TJK SHY NHD JR